

09/01/1999

Abdullah janji laksana tugas penuh dedikasi

Zulkofly Jamaludin; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru, berjanji melaksanakan tugas sebaik-baiknya dan penuh dedikasi.

Sambil mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Abdullah berkata beliau terharu dengan pelantikan itu.

Perdana Menteri yang mengumumkan pelantikan itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tetinggi (MT) Umno di sini hari ini, turut melantik Abdullah sebagai Menteri Dalam Negeri.

Jawatan Abdullah sebagai Menteri Luar akan diisi oleh Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Saya rasa terkejut juga oleh kerana rakan-rakan saya lain yang dipertimbangkan oleh Perdana Menteri juga berkemampuan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Menurutnya, beliau memerlukan bimbingan Dr Mahathir dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya yang baru itu.

Bagaimanapun, beliau tetap mengharapkan pimpinan daripada Perdana Menteri yang begitu berpengalaman dalam hal pentadbiran.

Abdullah yang Naib Presiden Umno berkata, beliau juga berharap mendapat kerjasama daripada Kabinet lain dalam menjalankan tugas baru itu.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dianggap antara calon utama untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri, berikrar akan memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada Abdullah.

"Saya sudah memberi pengakuan kepada Perdana Menteri bahawa sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya akan memberi segala kerjasama dan sokongan kepada beliau supaya dia boleh menjalankan tugasnya dengan sebaik mungkin.

"Yang penting sekali ialah untuk kita semua memberi tumpuan kepada soal menguatkan parti dan menentukan kejayaan pada pilihan raya akan datang. Jadi bagi saya tidak menjadi masalah," kata Naib Presiden Umno itu selepas mesyuarat MT.

Ditanya sama ada beliau terkejut dengan pengumuman Dr Mahathir mengenai pelantikan itu, Najib berkata: "Saya tidak terkejut, cuma masanya saja...saya menjangkakan bahawa Perdana Menteri akan buat keputusan pada masa yang lain."